

Tuesday, 26 May 2015

MPSJ labur RM300 juta untuk projek hijau



Nor Hisham (kanan) bersama Pengarah Nadayu, Aidan Hamidon (kiri) dan Pengarah Eksekutif Nadayu, Hamidon Abdullah ketika sidang media, semalam.

MAJLIS Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bakal melaksanakan tiga projek bangunan hijau di Subang Jaya, Puchong Kinrara dan Batu Tiga dalam tahun ini.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, projek bernilai RM300 juta itu diinspirasi daripada pembinaan Kondominium Nadayu 28, Bandar Sunway.

"Nadayu 28 harus dicontohi kerana menekankan teknologi hijau dalam setiap aspek pembinaan yang dijalankan.

"Bahkan ia menjadi titik

permulaan untuk menerapkan teknologi ini dalam setiap pembinaan yang bakal dibina di negeri ini," katanya dalam Majlis Penyerahan Manual Penyelenggaraan kepada syarikat pemaju hartanah, Nadayu Properties Berhad (Nadayu).

Menurutnya, pelbagai insentif ditawarkan kepada pemaju yang mematuhi panduan yang ditetapkan oleh MPSJ.

"Paling penting, pemaju harus mengurangkan tempat atau bekas takungan air bagi mengelakkan nyamuk Aedes membiak.

"Pihak kami sangat prihatin dengan masalah ini kerana

kawasan Subang Jaya mencatatkan kes demam denggi paling tinggi di Selangor," katanya.

Beliau berkata, beberapa projek hijau juga dilaksanakan bagi mengurangkan pembebasan karbon dioksida ke udara.

"Kami telah melaksanakan projek seperti bas elektrik, tenaga solar, biomas, dan larangan penggunaan plastik di pusat beli belah.

"Usaha ini adalah membuktikan kesungguhan pihak kami bagi menangani pencemaran yang berlaku di sekeliling kita," katanya.